

26 JAN 2001

Mahathir-Kerajaan (Bergambar)

JANGAN LEKA DENGAN KEJAYAAN NEGARA, KATA MAHATHIR

SIK, 26 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta orang Melayu tidak leka dengan kejayaan yang dicapai setakat ini sehinggakan mereka mengambil mudah soal pemilihan kerajaan.

"Jangan fikir sudah capai kejayaan setakat ini, tak perlu khuatir tentang masa depan anak cucu kita," katanya.

Perdana Menteri tidak mahu orang Melayu beranggapan bahawa tidak mengapa sesiapa pun yang menjadi kerajaan.

Orang Melayu perlu terus memikirkan tentang masa depan anak cucu mereka walaupun negara sudah mencapai kejayaan kerana terdapat banyak lagi cabaran hendak diharungi dalam menentukan kejayaan bangsa di masa hadapan, katanya pada majlis perjumpaan mesra dengan kepimpinan Umno bahagian Sik dan Baling di sini.

Perjumpaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sik itu dihadiri para pemimpin dari 142 cawangan Umno Bahagian Sik dan 148 cawangan Bahagian Baling.

"Kita mahukan anak cucu kita terus hidup bebas dan merdeka. Kita hendak tentukan masa depan agama, bangsa dan negara terselamat," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun terdapat golongan Melayu yang berjaya ketika ini tetapi jika kejayaan itu dibandingkan dengan kaum lain, ternyata kejayaan orang Melayu masih lemah.

Oleh itu orang Melayu perlu bersatu padu untuk terus menjamin kejayaan bangsa mereka, katanya.

Beliau berkata tidak semua kerajaan di dunia yang berjaya kerana ada negara yang rakyatnya terus miskin dan negara huru-hara walaupun mempunyai kerajaan.

Presiden Umno itu mengulangi kenyataannya bahawa perjuangan Umno masih belum selesai lagi.

Tujuan Umno mahu memenangi pilihan raya ialah bagi membolehkan wakil rakyatnya membentuk dasar-dasar negara, mempertahankan maruah bangsa dan negara, katanya.

"Kemenangan untuk membolehkan kita berkhidmat kepada rakyat dan membangunkan negara. Bukannya untuk mendapatkan jawatan dan duduk di dalam bilik berhawa dingin," tegas beliau.

Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan bahawa walaupun Umno berjuang untuk orang Melayu, Islam dan negara, tetapi nasib kaum lain tidak diketepikan.

"Seperti dalam nyanyian lagu Umno, Umno bertanggungjawab untuk semua kaum," katanya.

Dr Mahathir juga meminta anggota Umno jangan terlalu memikirkan soal calon pilihan raya sehinggakan sanggup mengundi pembangkang ekoran calon pilihan mereka tidak disenaraikan.

Sebaliknya mereka hendaklah memikirkan soal parti yang bertanding dan parti yang bakal membentuk kerajaan.

Dr Mahathir juga meminta orang Melayu jangan terpengaruh dengan dakwah Barat kononnya orang Melayu kini tidak mepedulikan soal kebangsaan Melayu lagi dan tertumpu pada soal hak asasi manusia sahaja.

"Kita ada kebebasan hak asasi tetapi berlandaskan kepada agama dan budaya kita. Kita tidak mahu kebebasan hak asasi seperti Barat," katanya.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Ketua Umno bahagian Sik Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang juga Penasihat Agama

kepada Perdana Menteri.

-- BERNAMA

JM RON